


Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] & Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] Bahagian III Seksyen 67 mentafsirkan Jalan Persekutuan sebagai satu Jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan dan suatu jalan yang diisytiharkan menjadi Jalan Persekutuan di bawah undang-undang Persekutuan. Jalan Persekutuan juga meliputi jalan-jalan di kawasan perkampungan FELDA dan jalan yang menghubungkan kawasan perindustrian di samping jalan-jalan utama yang menghubungkan bandar-bandar di sesebuah negeri.



Tidak semua Jalan Persekutuan di negara ini dibina oleh KKR. Ada Jalan Persekutuan yang dibina oleh Kementerian Luar Bandar, dan ada juga Jalan Persekutuan yang dibina oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Sehubungan itu, jalan yang dibina oleh KKR dan menjadi tanggungjawab kementerian ini untuk menyenggara jalan yang telah siap dibina dan diisytiharkan oleh Menteri Kerja Raya melalui pewartaannya menggunakan Akta Jalan Persekutuan 1959.

Maka dengan itu, orang awam boleh membezakan Jalan Persekutuan dengan Jalan Negeri dengan melihat nombor jalan pada papan tanda jalan dan pos kilometer jalan seperti berikut:-



BIL.	KATEGORI JALAN	NOMOR JALAN	JABATAN BERTANGGUNGJAWAB
1	Jalan Persekutuan (Nama)	1-921	KKR/JKR [Ibu Pejabat]
2	Jalan Persekutuan (ELDA)	1000-2748	KKR/JKR [Ibu Pejabat]
3	Jalan Masuk ke Instalasi Persekutuan Utama	250-479	KKR/JKR [Ibu Pejabat]
4	Jalan Industri	3000-3740	KKR/JKR [Ibu Pejabat]
5	Labuh Raya Bertol	E1-E30	LLM/Spesiset Korpus berkerajaan